

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
(KUBANG KERIAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2015

Y.B. TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH [KUBANG KERIAN]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dalam usaha penjimatan yang dilakukan oleh Kerajaan, berapakah had maksima yang telah ditetapkan dalam projek runding terus berbanding sebelumnya, dan berapakah hasil yang telah diterima oleh Kerajaan kesan daripada penjimatan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Rundingan terus merupakan satu pengecualian daripada kaedah

perolehan semasa Kerajaan di mana perolehan yang dilaksanakan hendaklah memenuhi kriteria tertentu dan permohonan diperakukan oleh Pegawai Pengawal Kementerian sebelum dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan selanjutnya. Walaupun dilaksana secara rundingan terus, agensi bertanggungjawab merundingkan harga untuk memastikan harga yang diperakukan adalah munasabah, berpatutan dan memberi nilai faedah terbaik kepada Kerajaan.

Nama syarikat dan nilai kontrak yang diperolehi melalui perolehan Kerajaan boleh diakses melalui portal MyPROCUREMENT seperti berikut:
<http://myprocurement.treasury.gov.my>.